

# Kertas putih kegiatan Al-Ma'unah dikeluarkan bila-bila masa

UM 8 JAN 2002

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Kertas putih berhubung kegiatan Al-Ma'unah akan dikeluarkan oleh kerajaan pada bila-bila masa dari sekarang setelah kes terhadap mereka yang terbabit dalam kegiatan itu selesai dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Disember lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kertas putih berhubung kegiatan itu hanya boleh dikeluarkan selepas perbicaraan selesai bagi mengelakkan kesalahan menghina mahkamah.

"Kita akan keluaran (kertas putih) sekarang, sebelum ini tak boleh kerana menghina mahkamah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di Institut Tadbiran Awam (INTAN) Bukit Kiara dekat sini, hari ini.

Mahkamah Tinggi pada 27 Disember lalu, menjatuhkan hukuman mati ke atas Ketua Kumpulan Al-Ma'unah, Mohd. Amin Mohd. Razali, 30, bersama dua anggotanya, Zahit

Muslim dan Jamaludin Darus setelah didapati bersalah atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Sebanyak 16 anggota Al-Ma'unah yang lain terselamat daripada hukuman mati kerana dikenakan penjara sepanjang hayat di bawah peruntukan Seksyen 121 Kanun Keseksan juga atas kesalahan yang sama.

Kes itu mencatat sejarah kerana ia merupakan kes jenayah pertama, yang didakwa di bawah Seksyen 121 kanun tersebut.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak pasti sama ada kertas putih itu akan dapat meyakinkan Pas kerana selama ini mereka menganggap peristiwa berdarah di Sauk, Perak dua tahun lalu hanyalah satu sandiwara kerajaan.

"Kalaupun orang-orang ini digantung, Pas akan kata gantung itu juga sandiwara, sebenarnya mereka tak mati," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata,

langkah mengeluarkan kertas putih itu antara lain adalah sebagai jawapan kepada dakwaan parti pembangkang yang mengatakan semua kejadian tersebut merupakan sandiwara.

Menurut Najib lagi, langkah itu diharap dapat mengelakkan kekeliruan sebahagian masyarakat yang sebelum ini percaya terhadap dakwaan parti pembangkang itu.

Pada 2 Julai tahun lalu, sekumpulan 15 lelaki berpakaian tentera yang kemudian dikenali sebagai anggota Al-Maunah melarikan lebih 100 laras senjata api dan beribu-ribu butir peluru dari pos tentera Kuala Rui dan Kern 304 Askar Wataniah, kedua-duanya di Gerik, Perak.

Lelaki itu kemudian berkubu bersama 13 lagi rakan mereka di Bukit Jenalek, Sauk dan menahan empat tebusan tetapi menyerah diri selepas dikepung oleh pihak berkuasa selama lima hari.

Dua orang anggota pasukan keselamatan yang dijadikan tebusan mati dibunuh.